

1,000 orang hadiri Bicara Santai UMSKAL

17.11.2019 3

LABUAN: Kira-kira 1,000 orang memenuhi Dewan Utama, malam Jumaat lalu untuk mendengar perbincangan menarik pada program yang pertama kali diadakan iaitu Bicara Santai.

Program yang bermula jam 8 malam itu menampilkan Mufti Negeri

Perlis, Prof Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin bersama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Chm Dr Taufik Yap Yun Hin.

Bicara Santai yang bertajuk 'Dunia ku Tinggalkan' itu dikendalikan moderator, Ustaz Abdul Basir Mahadi dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

(JAWI) Labuan.

Turut hadir Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah.

Program Bicara Santai adalah antara acara me-

narik yang diadakan sempena Pesta Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2019 pada 15 - 17 November dari pukul 8 pagi hingga 11 malam.

Turut diadakan pertandingan Beyblade, Cutey Catz Gathering, The Ghost



TERIMA KASIH: Prof Madya Dr Mohd Asri (dua kanan) menerima cenderamata daripada Prof Datuk Chm Dr Taufik Yap Yun Hin sambil diperhatikan Prof Dr Murnizam (tiga kiri), Zamri (dua kiri) dan Ustaz Abdul Basir (kanan).



SOKONGAN PADU: Prof Madya Dr Mohd Asri (tiga kiri), Prof Datuk Chm Dr Taufik Yap Yun Hin (empat kiri) dan Prof Dr Murnizam (lima kiri) bersama orang ramai yang menghadiri program Bicara Santai di Dewan Utama UMSKAL, malam Jumaat lalu.

House, Futsal Terbuka Lelaki, Horse Riding, Kids Got Talent, Extravaganza Fitness, UMSKAL Talent Night, The Voice Labuan dan Graduate Night Run serta gerai jualan.

Prof Dr Murnizam berkata pelbagai program diadakan untuk menarik

kehadiran orang ramai terutama warga Wilayah Persekutuan Labuan mengunjungi UMSKAL sebagai satu-satunya IPTA di pulau bebas cukai ini.

"Manakala majlis penutupan akan diserikan dengan persembahan artis Atmosfera Band dan cabutan bertuah," katanya.